

**JARINGAN KEBANGSAAN
ANTAR-NUSA**
Prosiding Seminar Nasional
71 Tahun Indonesia Merdeka



EDITOR
Yudhi Andoni

JARINGAN KEBANGSAAN ANTAR-NUSA:
Prosiding Seminar Nasional 71 Tahun
Indonesia Merdeka

EDITOR
YUDHI ANDONI

Labor Sejarah Universitas Andalas
bekerjasama
DPD RI Sumatera Barat, MSI Cab. Sumatera Barat,
STKIP PGRI Sumatera Barat, BPNB Padang
2016

JARINGAN KEBANGSAAN ANTAR-NUSA:
Prosiding Seminar Nasional 71 Tahun Indonesia Merdeka
Copyright©2016, Yudhi Andoni (ed)

Diterbitkan pertama kali dalam Bahasa Indonesia

Penerbit:

Labor Sejarah Universitas Andalas
Lt. 2 Gedung FIB Universitas Andalas
Limau Manis, Pauh-Padang

Bekerjasama dengan Anggota DPD RI Emma Yohana, MSI Cab. Sumatera Barat,
STKIP PGRI Sumatera Barat, dan BPNB Padang

Layout/Desain Cover
Abu Rumi

ISBN 978-602-72301-3-2
Cetakan Pertama, Agustus 2016
Isi xviii + 489 hlm, 15 x 23 cm
Gambar cover

1. J.M. Brown, *The Dutch East Sketches and Pictures* (London: Kegan Paul, Trench,
Trbner & co, ltd, 1914).

Daftar Isi

Sambutan DPD RI Sumbar Hj. Emma Yohanna	v
Sambutan Ketua MSI Cab. Sumatera Barat	xi
Pengantar Editor	xiii
Daftar Isi	xvii
Dampak Krisis Ekonomi Terhadap Perubahan Politik Di Indonesia (Peristiwa Mei 1998)	1
Pendatang Cina di Bagan Siapi-Api: Konflik dan Masalah Kebangsaan Indonesia dari Zaman Kolonial Hingga Pasca Kemerdekaan	25
Abdul Rozal: Pejuang dan Pendukung Seni	59
Hubungan Situs Sungai Batu Malaysia Dengan Situs Padang Lawas Indonesia Dalam Pemikiran Perspektif Tinggalan Arkeologis dan Historis	73
Preman Di Sana, Preman Di Sini: Premanisme Di Sumatera Masa Revolusi	89
Etnis Betawi, Etnis Indonesia: Proses Peleburan dalam Etnis Betawi di Jakarta	113
Angkatan Pemuda Indonesia: Akar Gerakan Nasionalisme di Aceh Awal Abad XX	135
Cagar Budaya, Sejarah Dan Pariwisata	151
Pariaman: Dari Kota Kecamatan Sampai Kota Administratif 1960-1999	159
Historiografi Indonesia Dalam Perspektif Sejarah Publik	185
Menafsir Ulang Sejarah Perkembangan Kota Kendari: Implikasi dari Kekacauan Sosial Sebelum dan Sesudah Kemerdekaan	199
Pelayaran, Perdagangan dan Pertapakan Melayu Di Pesisir Barat Sulawesi Selatan	211
Modernisasi Di Batam dan Pengaruhnya Terhadap Kehidupan Sosial Budaya Masyarakat Tahun 1970-2015	225
Membebaskan Kaum Kromo: Pemikiran Pendidikan Tan Malaka .	239
Jalan Terjal Membentuk Karakter Bangsa: Dialektika Petani Versus Pengusaha dan Penguasa di Sumatera Barat, Riau dan Jambi 1970-2010	251
Daya Guna Linguistik, Wacana Konflik Perkebunan, Dan Kemerdekaan Buruh	269

Kota Singaraja: Dari Kota Pelabuhan hingga Ibukota Provinsi Bali Pertama 1849-1960	279
Medan Sebagai Locus Kebangsaan di Awal Abad ke-20	317
Dari Perkebunan Menuju Pemerintahan: Sejarah Kota Medan 1869-1919	335
Kota Setengah Hati di Selatan Jakarta: Depok 1976-1999	357
Kain Latung di Bumi Rafflesia Pada Zaman Pendudukan Tentara Jepang.....	371
Imaji Kebangsaan dan Ironi Kepartaian: Kajian dan Kontekstualisasi Gagasan Peradaban Lintas-nusa Tan Malaka dalam Naar de 'Republiek Indonesia'	389
↳ Pers Perempuan Sumatera Barat dan Sumatera Utara: Dari Terjajah ke Merdeka dari Ideologis ke Kapitalis	421
Mewujudkan Cita-Cita Nasional: Kiprah Tokoh Lokal Sarekat Islam Di Sulawesi Tengah, 1919-1942	435
Keindonesiaan dan Gerakan Kemajuan: Elit Tradisi Modernis Minangkabau di Awal Abad ke-20.....	459
Tambang Emas Di Kecamatan IV Nagari Kabupaten Sijunjung Sumatera Barat Tahun 1980-2015	473

Pendatang Cina di Bagan Siapi-Api: Konflik dan Masalah Kebangsaan Indonesia dari Zaman Kolonial Hingga Pasca Kemerdekaan

Azmi Fitri^{sia}*

Abstrak

Bagan Siapi-Api terletak di pantai timur Sumatera-Indonesia. Zaman kolonial dikenal sebagai *Onderafdeling* Bagan Siapi Api yang setara dengan kecamatan pada era sekarang ini. Kawasan yang terdiri dari 3 *onderdistrik* yaitu *Onderdistrik* Bangko, Kubu dan Tanah Putih ini bermukim imigran China. Kehadiran mereka terkait dengan kebijakan kolonial Belanda dalam bidang perikanan. Dalam catatan statistik tahun 1931 jumlah orang Cina di Bagan Siapi Api sebanyak 16.368 orang. Walaupun tahun 1934 turun menjadi 9.369 orang, namun apabila diperbandingkan dengan jumlah peribumi pada waktu itu cukup fantastis yaitu 1:3 atau seorang penduduk peribumi dikawal oleh 3 pendatang Cina. Jumlah kaum peribumi yang hanya 3.289 orang telah memberikan kekuatan dan kedudukan yang baik bagi kaum Cina pendatang. Paper ini bertujuan untuk mengungkapkan pendatang Cina di Bagan Siapi Api. Secara khusus mengkaji sebab, proses dan hubungan pendatang Cina dengan kepentingan kolonial dan pribumi serta masalah kebangsaan. Sehingga pertanyaan utama dari paper ini adalah mengapa orang-orang Cina datang ke Bagan Siapi Api?, Kedua, bagaimana konflik kepentingan antara pendatang Cina, Belanda dan pribumi terjadi serta hubungannya dengan nasionalisme? Paper ini merupakan bagian sejarah sosial nelayan umumnya dan pendatang Cina di Bagan Siapi Api khususnya. Sehingga teori soial sangat membantu dalam menganalisis fakta historis.

Kata Kunci: Pendatang Cina, Konflik, kebangsaan

* Staf Pengajar Sejarah Universitas Negeri Padang.

I. Pendahuluan


Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis kedatangan orang Cina ke Bagan Siapi Api. Orang Cina telah datang dalam jumlah yang banyak ke Bagan Siapi Api seiring dengan kapitalisme dibidang perikanan. Kekayaan ikan, jumlah penduduk Bagan Siapi Api yang jarang dan keperluan ikan bagi tenaga kerja perkebunan 'Indonesia' telah mendorong pemerintah Kolonial Belanda mengeluarkan kebijakan migrasi. Di Bagan Siapi Api pendatang Cina telah menjadi pemodal di sektor perikanan, sebageaian besar mereka juga menjadi tenaga kerja dalam kongsi-kongsi yang dibina oleh pemodal Cina. Mereka telah menempati rumah yang disebut 'bangliau' dengan kebiasaan yang pekat menghisap candu. Kertas kerja ini hanya akan membincangkan sebab kedatangan, proses, aktifitas pendatang Cina setelah menetap di Bagan Siapi Api. Kedua, mengkaji hubungan antara pendatang Cina dengan kolonial Belanda dan pribumi. Terakhir, coba dianalisis tindakan pendatang Cina dalam kaitannya dengan keindonesiaan. Paper ini menggunakan pendekatan sosial dimana terjadi perpaduan antara sinkronik dan diakronik. Kedatangan orang Cina ke Bagan Siapi Api telah menyempurnakan kemajemukan penduduk. Latar belakang budaya dan kepentingan ekonomi masing-masing etnik telah menjadi akar konflik di Bagan Siapi Api. Pada masa kolonial pendatang Cina yang jumlahnya banyak tidak dapat berkulit karena kendali ekonomi dan politik dipegang kolonial. Pasca kemerdekaan konflik terbuka tidak dapat ditahan dimana pendatang Cina merasa kuat dengan mengibarkan bendera bangsa lain di tengah megahnya proklamasi. Nasionalisme dan keindonesiaan menjadi masalah yang terpaksa diselesaikan dengan kekerasan Tentara Republik.

II. Sebab, Proses dan Menetap Migran Cina di Bagan Siapi Api

Penghijrahan orang Cina ke kawasan Bagan Siapi Api mempunyai beberapa penjelasan. Pada tahun 1826,¹ disebutkan orang Cina pertama kali datang ke Bagan Siapi Api. Mereka ialah para perantau atau pendatang suku Ang dari Pulau Hokkien Provinsi Fujian (Tiongkok Selatan). Bermula daripada tuntutan hidup yang lebih baik lagi,² sekelompok orang Tionghoa merantau menyeberangi lautan dengan kapal kayu sederhana. Kapal Jung tersebut terdampar di Negeri

Raja Siam (Thailand). Setelah beberapa masa berada di tempat ini berlaku pertembungan perantau Fujian dengan penduduk tempatan. Sehingganya para perantau ini harus meninggalkan luar bandar

1.1 Peta negeri asal daripada pendatang Cina di *Onderadeeling* Bagan Siapi Api



Sumber : Diolah dari G. Masset, 1937. "Het visscherijbedrijf te Bagan Siapi Api". Dlm. IG. Tahun 49, hlm.129., Mary F. Somer Heidhues, 1974. *Southeast Asia's Chinese Minorities*. Logman Australia. Wang Gungwu, 2006. "Patterns of Chinese Migration in Historical Perspective". Dlm. Hong Liu, *The Chinese Overseas*. Vol.1. London, New York: Routledge, hlm. 34-38.

tersebut dan berlayar tak tentu arah di lautan dengan menggunakan dua kapal jung. Dalam perjalanan, sebuah kapal tenggelam akibat gelombang besar dan badai. Akan tetapi kapal jung yang sebuah lagi berjaya menuju daratan. Pendaratan pertama disebutkan di kawasan muara Bagan Siapi Api, sedangkan penjelasan kedua menyatakan di kawasan Tanah Putih. Akan tetapi pendaratan perantau Fujian di Tanah

Putih tidak diterima oleh penduduk tempatan.³ Kerana mereka tidak berasa tenang, akhirnya pendatang Cina ini pindah ke muara Bagan Siapi Api. Mereka yang mendarat di Tanah Putih berjumlah 18 orang; Ang Nie Kie, Ang Nie Hiok, Ang Se Guan, Ang Se Pun, Ang Se Teng, Ang Se Shia, Ang Se Puan, Ang Se Tiau, Ang Se Po, Ang Se Nie Tjai, Ang Se Nie Tjua, Ang Un Guan, Ang Cie Tjua, Ang Bung Ping, Ang Un Siong, Ang Sie In, Ang Se Jian, dan Ang Tjie Tui. Mereka ini meneruskan hidup di Bagan Siapi Api sebagai pencari ikan, membina perkampungan nelayan dan kemudian melakukan perdagangan ikan. Masyarakat Cina di Bagan Siapi Api menyebut mereka sebagai leluhur pendatang Cina. Kedua, komuniti orang Cina di Bagan Siapi Api bermula daripada hubungan perniagaan semenjak abad pertama.⁴ Pendatang Cina yang menetap di Melaka membeli hasil tangkapan ikan nelayan peribumi di Bagan Siapi Api.⁵ Seterusnya, hubungan baik mereka dengan nelayan peribumi memberikan mereka kesempatan pindah ke Bagan Siapi Api. Penghijrahan orang Cina dari Melaka ialah suku Cina 'Hou Kiau'.⁶ Selain itu, antara pendatang Cina ada juga yang berasal dari Canton, Fukien dan Makau.⁷ Walaupun demikian, sukar untuk mengetahui jumlah pendatang Cina yang berhijrah dari wilayah Melaka.

Ketiga, apabila dihubungkan dengan penjelasan tentang 'Si Kak Pa' atau Pulau Halang, maka nenek moyang pendatang Cina di kawasan ini berbeza dengan nenek moyang pendatang Cina yang berada di muara Bagan Siapi Api. Nenek moyang pendatang Cina Pulau Halang lebih belakangan tiba iaitu sekitar awal abad ke-20. Akan tetapi cerita yang berkaitan dengan ketibaan pertama kali hampir sama dengan kedatangan pendatang Cina di Muara Bagan Siapi Api. Pendatang Cina di Pulau Halang juga dari *Provinsi* Fujian, Tiongkok namun mereka berasal dari kawasan Jing Jiang. Mereka disebut sebagai pendatang Cina Pulau Halang yang dewanya berbeza dengan dewa


yang dianuti oleh pendatang Cina Bagan Siapi Api. Nelayan Pulau Halang menyakini dewa keselamatan, yaitu Sam Ong Hu (San Fu Wang Ye). Dewa Sam Ong Hu yang ditempatkan pada Tokong Zhen An Gong.⁸ Sedangkan pendatang Cina di Bagan Siapi Api menyakini dewa keselamatannya ialah Dewa Ki Ong Ya yang ditempatkan di Tokong Ik Hok Kiong. Seterusnya, pandangan yang berbeza pula menyebutkan sebahagian daripada pendatang Cina di Pulau Halang dalam pengaruh Kuomintang di China. Penghijrahan besar-besaran orang Cina ke Bagan Siapi Api berlaku setelah pentadbiran penjajah Belanda.⁹

Penghijrahan ini hampir bersamaan dengan kemasukan tenaga kerja untuk peningkatan eksploitasi kawasan ladang di bahagian timur Sumatera, perlombongan timah di Bangka dan kawasan lain di pantai timur Sumatera.¹⁰ Jika dihubungkan dengan penanaman tembakau di bahagian timur Sumatera¹¹ dapat difahami bahawa orang-orang peribumi cukup sukar untuk diharapkan sebagai tenaga kerja. Maka untuk mencapai tujuan peningkatan eksport tembakau khasnya dilaksanakan polisi penghijrahan keatas tenaga kerja Cina. Kedatangan orang Cina ke Bagan Siapi Api dalam kaitan dengan kapitalisasi dalam bidang perikanan, perladangan dan kayu balak. Selain itu, berbanding dengan Pulau Jawa yang jumlah penduduknya cukup padat maka jumlah pendatang Cina yang bekerja sebagai nelayan relatif sedikit. Namun di Bagan Siapi Api dan amnya kawasan di Sumatera Timur tergolong berpenduduk jarang, maka diperlukan tenaga kerja yang lebih banyak bagi kepentingan eksport perikanan.¹²

Tenaga kerja dari negara China untuk kawasan Bagan Siapi Api disalurkan dari Pelabuhan Singapura.¹³ Orang Cina dibawa dengan cara tanpa wang muka/kontrak, kerana sedikit sekali pendatang Cina (*singkeh*) yang memiliki wang. Mereka berhutang pada mandor kapal. Setelah tiba di Pelabuhan Singapura, *kehtau* (*calo*) dan *singkeh* ditahan di atas kapal sampai ditemukan depu majikan yang membayar sewa perjalanan dan laba *kehtau*. Secara keseluruhan setiap tahun didatangkan 20,000 orang buruh Cina sehingga tahun 1890 untuk pelbagai kawasan di Asia Tenggara.¹⁴ Buruh Cina yang sampai di Pelabuhan Singapura seterusnya diangkut oleh tenaga penyalur dengan menggunakan 'cincaluk' atau alat pengangkutan lainnya

sampai ke Pelabuhan Bagan Siapi Api. Penyaluran pekerja dari China ini sering pula disebut dengan 'sistem wang muka'. Orang Cina yang bekerja untuk industri perikanan di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api terutamanya orang Cina Hokkien dari Tanwa atau Amoy dan orang Cina Teochiu dari Teng Hai dan Hai Jip. Juga ada beberapa orang Shantung datang bersama dari Hailam dan Canton.¹⁵ Lama kelamaan menjadi sebagai tempat tinggal orang Cina seperti di Senaboi, Panipahan dan ibu pejabat *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api.¹⁶ Pada rajah 1.1 dapat dilihat perkembangan jumlah pendatang Cina di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api.

Rajah 1.1 Perkembangan pendatang Cina di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api tahun 1880 -1934



Sumber : Diolah dari data D. G. Stibbe, 1917. *ENI*. Leiden : N.V.V.H. E. J. Brill-'S Gravenhage Martinus Nijhoff, hlm. 103., A. Te. Velde, 1925, "Memorie van Overgave, Onderafdeeling Bagan Siapi Api, Afdeeling Bengkalis, Residentie Oostkust van Sumatera". Koleksi Arkip Nasional Republik Indonesia, Jakarta., J. Tideman, 1935, "Land en Volk van Bengkalis". Dlm. *TNAG*, Deel LII, hlm 816., Samengesteld Bij Het

Hoofdkantoor van Het Gevangeniswezen. 1923. *Statistiek van het Gevangeniswezen in Ned. Indie over her Jaar 1922.* : Gedrukt Door Drukkerij F. B. Smits. Samengesteld Bij Het Hoofdkantoor van Het Gevangeniswezen. 1925. *Statistiek van het Gevangeniswezen in Ned. Indie over her Jaar 1924.* : Gedrukt Door Drukkerij F. B. Smits. hlm. 20. *Indisch Verslag Tahun 1934-2 Statistieks Jarooverzicht Nederlands Indie over Het Jaar 1933.* Gedruk ter Algemeene Landrukerij -1934/1935. 'S-Garvenhage., G. Schaap. Memorie van Overgave Gouverneur der Oostkust van Sumatera. Mikrofilem 2e. Reel 17. Koleksi Arkip Nasional Republik Indonesia. Jakarta, hlm.7., Phoa Liong Gie, "The Changing Economic Position of the Chinese in Netherlandas India". Dlm. Mr. Fernando and David Bulbeck, *Chinese Economic Activity in Netherlands India..* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies and Project Research School of Pasific Studies Australian National University Canberra and Asian Economic Research Unit, hlm. 17., D. J. M. Tate, 1979. *The Making Of Modern South-East Asia. Volume II The Western Impact Economic and Social Change.* Kuala Lumpur : Oxford University Press. 4. The Culture Zone of The Province East Coast Sumatra, hlm. 13.

Dari Rajah 1.1. di bawah ini dapat dilihat bahawa semenjak tahun 1886 sehingga tahun 1931 terus berlaku peningkatan jumlah pendatang Cina ke Bagan Siapi Api. Berbanding daripada tahun-tahun tersebut, punca dari penghijrahan orang Cina ialah bermula pada tahun 1931. Pada tahun ini sebanyak 16,368 pendatang Cina telah tinggal di Bagan Siapi Api. Hal ini bererti telah berlaku peningkatan ekonomi *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api.¹⁷ Namun pada tahun 1934, pendatang Cina juga mengalami penurunan sehingga 9,369 orang. Penurunan ini berlaku akibat kemelesetan ekonomi, sehingganya pendatang Cina berpindah dari *Onderafdeeling* Bagan Siapi-Api.

III. Konflik dan Masalah Kebangsaan di Bagan Siapi Api

Kapitalisasi dalam bidang perikanan telah mengakibatkan peningkatan kesempatan kerja di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Banyaknya pendatang telah mengakibatkan terbentuk masyarakat majmuk di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Penduduk *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api yang sebelumnya hanya suku Melayu¹⁸ bertambah menjadi banyak suku antaranya suku Minangkabau, Bali, Batak, Jawa, India, Cina dan Eropah.¹⁹ Akan tetapi pendatang tempatan dari Minangkabau yang menetap di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api tidaklah dapat dipastikan banyak jumlah mereka sama ada dengan pendatang dari India. Khususnya pendatang India telah disebutkan dalam laporan ketua *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api.²⁰ Meskipun jumlah pendatang dari Minangkabau tidak didapatkan akan tetapi hubungan *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api dengan kawasan Minangkabau dapat menjelaskan tentang kehadiran pendatang Minangkabau ke kawasan ini. Hulu daripada Sungai Rokan, iaitu kawasan Minangkabau dan pedagang Minangkabau selalu berulang alik menjual hasil bumi sama ada membeli keperluan penduduk Minangkabau. Seterusnya, pendatang dari Batak disebutkan berjumlah 55 orang di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api.²¹ Sedangkan catatan tahun 1931 jumlah pendatang dari Jawa ialah 500 orang.²² Berkemungkinan jumlah pendatang Pulau Jawa lebih besar daripada angka rasmi penjajah Belanda. Data tahun 1931 juga memperlihatkan jumlah orang Eropah di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api sebanyak 26 orang.²³ Pendatang Cina paling banyak jumlahnya di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Pada tahun 1931 tercatat 16,364 orang. Apabila dibandingkan data tahun 1934 dengan data jumlah peribumi dengan data tahun 1931, berkemungkinan jumlah pendatang tempatan jauh lebih banyak. Ini kerana statistik tahun 1931 secara keseluruhan menunjukkan hanya jumlah peribumi di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api sebanyak 27,234 orang.²⁴ Pada tahun 1934, statistik jumlah peribumi menunjukkan penurunan secara drastik menjadi 3,289 orang.²⁵ Kategori peribumi dalam statistik tahun 1931 dan 1934 sebenarnya dapat dikelompokkan penduduk tempatan dan pendatang tempatan atau mereka yang berhijrah dari kawasan sekitar *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api, sama ada dari kepulauan lain di Hindia Belanda. Sesuatu yang tidak mungkin berlaku ialah perpindahan penduduk tempatan. Perpindahan berkemungkinan besar dilakukan

oleh pendatang tempatan kerana mereka telah kehilangan pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi.

Apabila dikaji mengenai mata pencarian penduduk dan latar sosial penduduk yang menetap di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api, maka dapat difahami bahawa perhubungan dan konflik sosial telah bermula akibat kepentingan ekonomi. Penduduk tempatan melakukan pekerjaan pertanian yang digabungkan dengan penternakan. Begitu juga, sebahagian mereka bekerja sebagai nelayan, berkebun dan mencari hasil hutan.²⁶ Pekerjaan sebagai nelayan lebih banyak dilakukan pendatang Cina semasa Belanda berkuasa. Penternakan besar dan pemerahan susu lembu diusahakan pendatang India. Penternakan babi dilakukan oleh pendatang Cina. Begitu pula bersama dengan penduduk tempatan, orang India menjalankan perusahaan seperti kerajinan tikar, kajang, atap, jala, rotan, pembekuan ais, dan sampan.²⁷ Di kawasan Kubu dan Tanah Putih, ada sedikit keluarga sebagai pengukir kayu dan tembikar.²⁸ Seterusnya, terdapat beberapa keluarga Melayu sebagai pandai emas dan perak.²⁹ Beberapa kerajinan rumah tangga lainnya pula dilakukan penduduk peribumi dan pendatang. Namun pendatang dari Pulau Jawa lebih suka dalam berkebun.

Secara umum suku Melayu merupakan masyarakat asal dari kawasan *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Mereka adalah pemegang kuasa awal. Struktur sosial masyarakat Melayu *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api dibangunkan daripada dasar ajaran Islam. Ini dapat dibuktikan daripada kedudukan Masjid Emas yang dibina pada tahun 1800. Masjid ini terletak di kawasan Sedinginan-*Onderdistrict* Tanah Putih. Di belakang Mesjid Emas terdapat makam tua yang dinamakan Makam Aceh. Begitu juga, makam Datuk Kancil di Teluk Merbau-Kubu. Datuk Kancil ialah seorang penasihat agama kepada Datuk Raja Hitam, pendiri Negeri Kubu pada tahun 1667. Seterusnya, makam Tuan Syeikh Zainuddin terletak di Tanah Putih. Beliau guru dan mentua guru Abdul Wahab Rokan yang merupakan pendiri pusat pesantren Tarekat Babussalam Langkat Sumatera Utara. Beliau meninggal dunia pada tahun 1926 ketika berusia 76 tahun. Makam Datuk Batu Hampar yang terletak di Desa Bantayan-Bangko, 30 km dari Bandar Bagan Siapi Api. Datuk Batu Hampar yang mempunyai nama asal, iaitu Syarif Ali

penguasa Dinasti Tujuh Handuk dan Pendiri Negeri Bangko. Dasar ajaran Islam merupakan pedoman masyarakat dan pola hidup penduduk tempatan dibina daripada ketaatan mereka terhadap ajaran agama.

Islam telah masuk ke *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api pada sekitar abad ke-15 iaitu semasa pemerintahan Sultan Mansyur Syah (1459-1477). Agama Islam yang berkembang di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api bermula dari Selat Melaka. Islam masuk melalui Rokan Kiri dan Kanan Selat Melaka. Pada masa itu, sultan mengutus dua orang mubalig bersaudara dengan gelaran Raja Harimau dan Raja Ganjut. Mereka mengaliri Sungai Rokan yang pelabuhan-pelabuhannya di sekitar Bagan Siapi Api, Rangau-Muara Dilam. Sampai di Muara Dilam, mereka berpisah; Raja Harimau menghulukan Rokan Kiri dan Raja Ganjut menghulukan Rokan Kanan. Penjelasan yang berbeza menyebutkan Islam datang dari Aceh semasa Kerajaan Pasai pada abad ke-14.³⁰ Kerajaan Pasai memulakan pembentukan Kerajaan Rokan.

Kehidupan masyarakat peribumi berasaskan ajaran Islam, termasuk juga masyarakat Minangkabau yang merantau ke *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Perbezaannya, masyarakat Melayu Bagan Siapi Api menganut prinsip patrikat-garis keturunan ayah, sedangkan suku Minangkabau menganut sistem matrilineal-garis keturunan ibu. Sehingga secara materi, masyarakat Melayu *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api mendapatkan warisan daripada garis keturunan bapak, berbeza dengan masyarakat Minangkabau yang mendapatkan warisan daripada garis keturunan ibu kecuali untuk mata pencarian kedua-dua orang tua mereka. Kemiripan juga berlaku dengan masyarakat Batak dan Jawa. Sedangkan pendatang Eropah dan Cina mempunyai pola sosial yang berbeza. Amnya pendatang Eropah menganut agama Kristian dan pendatang Cina menganut Konfusian. Asas-asas sosial yang berbeza ini merupakan potensi konflik dan dapat berubah tanpa dijangka menjadi konflik terbuka.

Seperti yang telah dihuraikan di atas, sebahagian besar nelayan di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api ialah peribumi dan pendatang Cina. Etnik Minangkabau, Batak, Jawa dan India memilih pekerjaan yang berbeza. Etnik Minangkabau amnya berdagang, suku Batak ada juga yang menjadi pegawai penjajah di samping pekerjaan lainnya tetapi

tidak untuk bidang pertanian.³¹ Hal di atas berkemungkinan pekerjaan sebagai petani ini banyak dipegang oleh suku Jawa. Suku Jawa yang merantau ke *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api amnya dari Wonosari-Jawa Tengah. Mereka mulai menampakkan aktiviti sebagai petani sayuran.³² Penduduk tempatan belum mengenal cara perkebunan sayur sayuran, sehingga tidak dapat mengusahakan bidang ini. Penduduk tempatan, suku Minangkabau, Batak, Jawa dan India berada dalam kumpulan tenaga penghasil atau pengeluar. Sedangkan pendatang Cina selain sebagai pengeluar mereka adalah pemasar, sama ada dengan penjajah yang berada dalam kedudukan pemasar sekaligus pemegang kuasa. Kedudukan penjajah paling tinggi dalam struktur sosial di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api.

Pendatang Cina telah menjadi kelompok yang dominan akibat jumlah mereka yang banyak dan peranannya sebagai pemasar hasil bumi di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api berbanding dengan suku bangsa Jawa, Batak, Minangkabau dan India. Pendatang Cina tidak hanya menguasai pemasaran bidang perikanan, akan tetapi telah meluas hingga pada bidang-bidang lainnya. Penduduk tempatan yang sebelumnya selain sebagai pemasar dan menangkap ikan dengan memasang jermal-jermal di depan muara Sungai Rokan telah terdesak. Sebahagian besar akhirnya menjadi pengeluar. Mereka mulai mencari ikan hanya menggunakan alat tangkapan jala kail. Kegiatan lainnya ialah membekalkan keperluan perikanan seperti tiang jajar bagi jermal, keranjang rajut kecil untuk mengepak belacan dan pekerjaan di luar perikanan. Boleh dikatakan penangkapan ikan bagi orang Melayu menjadi tidak begitu penting. Secara sosial penduduk tempatan yang bekerja sebagai produsen dan pendatang peribumi amnya paling bawah dalam struktur sosial. Hal ini merupakan permasalahan dan potensi konflik kerana penduduk tempatan adalah pemula dan pemegang awal kuasa di kawasan *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Sumber ekonomi yang ada di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api tidak lagi dikuasai oleh penduduk tempatan.

Masalah ekonomi akan menyokong timbulnya konflik kepentingan di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Hasil hutan; sagu, rotan, pinang, damar, kopra dan lain-lain meskipun bersusah payah oleh kaum peribumi dikumpulkan, namun harga ditentukan sesuka

pendatang Cina. Mereka mengeksploit keringat pengumpul. Penduduk peribumi hanya menikmati sebagian kecil daripada keuntungan akibat tekanan tauke-tauke Cina. Khususnya dalam bidang perikanan sebahagian besar keuntungan perikanan dinikmati oleh penjajah Belanda. Penduduk peribumi dan pendatang peribumi merupakan kelompok masyarakat yang tidak bermodal dan sangat bergantung pada pemasar. Sebahagian besar pendatang Cina yang menjadi pemasar telah berkembang menjadi kelas menengah. Mereka mempunyai banyak tanah dan rumah, di samping banyaknya pemilikan alat tangkapan ikan.

Walaupun demikian, pendatang Cina tidak mempunyai kemampuan untuk melawan kuasa penjajah Belanda. Seperti apabila berlaku penolakan pendatang Cina membayar cukai. Mereka tidak bersetuju keputusan pemborong yang disahkan oleh Sultan Siak bagi pembuatan garam. Akibatnya penjajah Belanda mengancam pendatang Cina dalam pemasaran ikan. Berbanding dengan pendatang Cina kapal wap milik Belanda jauh lebih baik.³³ Kekuatan penjajah Belanda juga terbukti daripada kemampuannya mempertahankan kuasanya dan melindungi kepentingan nelayan Cina *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api daripada nelayan Melaka.³⁴ Konflik yang disebabkan perebutan wilayah penangkapan ikan ini berlaku pada bulan Jun 1924, sebanyak 50 orang nelayan Cina menyerang dan menembak sebuah sampan Melaka yang memasuki perairan *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api.³⁵ Pemerintah Belanda menghantar pasukan tentera untuk mengawasi perairan, membuka jabatan polis dan melengkapkan pasukan pengamananan seperti kapal perang *Serdang* (dengan dua pesawat air di atasnya), pemburu torpedo *Draak* dan pemburu *Candu Argus*.³⁶ Seterusnya, pada bulan April 1930, seorang sersan dibunuh terkena tiga tembakan karaben. Pelaku jenayah ini dikenakan hukuman mati oleh penjajah Belanda.³⁷ Belanda mempunyai kuasa untuk menekan dan mengendalikan keadaan sesuai kepentingannya. Begitu pula kuasa Belanda ditunjukkan dengan pengaturan yang ketat terhadap Cina. Di *Residentie* Pantai Timur Sumatera ditetapkan daerah untuk Cina (timur asing), pertama; untuk *Afdeeling* Bengkalis iaitu *Onderdistrict* Tanah Putih dan bandar Bagan Siapi Api. Kedua, pendatang Cina sesuai ketentuan dalam tatacara 13 Julai 1880 (bukan *staatsblad* 133) harus

mempunyai lesen untuk usaha pertanian dan industri pada penggergajian.³⁸ Demikianlah pula mengenai hak tinggal orang timur asing/Cina di *Residentie* Pantai Timur Sumatera diatur dengan seksama.³⁹ Pada bulan Disember 1934, terdapat satu catatan tentang keadaan 1887-1934. Catatan ini mengandungi tindakan penjajah Belanda yang membahas ke langkah-langkah pendatang Cina dan menghantarkan laporan untuk semua ketua pemerintahan daerah. Mereka terus diberikan maklumat yang dianggap perlu tentang segala sesuatu yang berkaitan dengan pendatang Cina.

Kuasa daripada penjajah Belanda yang kuat dan herarki sosial yang tinggi tidak membuat halangan keberhasilan pendatang Cina di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Ini kerana ikatan sesama pendatang Cina yang kuat. Orang Cina sepenuhnya meningkatkan ekonomi mereka daripada sebuah kongsi. Peningkatan ekonomi terlihat daripada pemilikan pada sebidang tanah dan membangunkan sebuah rumah. Di bahagian lain, kemandirian ekonomi terlihat daripada pengembangan usaha baharu yang mereka ciptakan. Dalam industri perikanan, mereka menciptakan jenama ikan kering baru-yang berbeza daripada sebelumnya. Sebahagian besar pendatang Cina ialah pelabur bank.⁴⁰ Sebaliknya, penduduk tempatan tidak dapat keluar daripada tekanan, ketidaksanggupan bersaing dengan pendatang Cina dan tekanan cukai yang besar dari penjajah Belanda. Pemerintah Belanda memaksakan pelbagai cukai. Semenjak tahun 1918, penduduk dipungut cukai penebusan kerja wajib. Jumlah kerja wajib sebanyak 35 hari dalam satu tahun. Apabila penduduk tidak melaksanakan kerja wajib, maka diharuskan oleh penjajah Belanda untuk membayar cukai sebanyak f 6 untuk setiap orang dalam satu tahun.⁴¹ Sebahagian penduduk peribumi akhirnya hidup menjual tenaga, seperti pembantu rumah tangga pada keluarga-keluarga Cina dan menjadi buruh jermal tauke Cina. Keadaan ini telah menjadi dendam yang tidak tersalurkan daripada penduduk tempatan terhadap pendatang Cina sama juga dengan penjajah Belanda. Terutama kawasan *Onderdistrict* Tanah Putih merupakan tempat kekuatan penduduk tempatan semenjak awal lagi. Dalam sebuah sumber disebutkan pendatang Cina mengalami kesukaran di *Onderdistrict* Tanah Putih.⁴² Sehingga tahun 1931 hanya

sebanyak 191 orang pendatang Cina di kawasan ini berbanding penduduk peribumi yang jumlahnya 7,309 orang.⁴³

Potensi konflik penduduk tempatan terhadap pendatang Cina selain akibat kuasa mereka ke atas alat-alat pengeluaran pula, tipu muslihat dalam berniaga dan sistem wang muka. Pendatang Cina mengikat nelayan peribumi dengan wang muka agar mahu menjual ikan pada mereka. Nelayan peribumi telah terikat akibat tauke ikan bermaharajalela meletakkan harga ikan. Seringkali nelayan dibayar bukan dengan wang melainkan keperluan perikanan seperti makanan, pakaian yang sudah tentu harga benda-benda tersebut sesuka tauke ikan yang meminjamkan wang.⁴⁴ Nelayan tidak mengetahui harga ikan di pasaran dan tidak pula tahu jumlah hitungan hasil tangkapan. Berapa kati dan kilogram pasti berlaku tipuan tauke daripada hitungan timbangan. Nelayan tidak tahu apa-apa selain membawa ikannya ke hujung pelantaran. Perkara timbangan dan harga diserahkan kepada tauke Cina. Begitu juga, tauke Cina dengan cerdiknyanya menerkam buruh ikan dengan pentingnya budi. Tauke Cina membawa nelayan pekerja ke rumah dengan menyuguhi pelbagai minuman dan makanan, kemudian pada saat pulang mereka diberikan oleh-oleh seperti kueh, baju dan rokok. Anak negeri telah merasakan betapa baik budi tauke Cina. Mereka bodoh tidak tahu kalau si tauke Cina mengambil biaya dibelakang daripada apa yang diberikan kepada si nelayan.

Dengan hasil ikan ini, bandar Bagan Siapi Api boleh membanggakan diri.⁴⁵ Hanya kita berasa sayang kerana hasil ikan yang jumlahnya ratusan ribu rupiah itu mengalir ke kantong pendatang Cina. Pada hal hanya dalam tempoh sedikit waktu sahaja tinggal di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Mereka itu telah menjadi tauke besar, kaya raya hidup dalam kemewahan.⁴⁶ Penduduk peribumi yang sepertinya diam sebenarnya berkeluh kesah payah mata pencaharian. Hal ini disebabkan cara penangkapan ikan kaum peribumi dengan pendatang Cina berbeza. Pendatang Cina menangkap ikan dengan jermal yang bermodal ratusan ribu rupiah, sementara penduduk tempatan menangkap ikan dengan pukut dan ambai sahaja. Selain itu, dalam berniaga pendatang Cina juga di pucuk kepimpinan. Segala kelebihan di muara Sungai Rokan berada dalam genggam pendatang Cina.

Kekuatan ekonomi yang dipegang oleh pendatang Cina di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api telah mengakibatkan kaum peribumi masuk ke dalam pola sosial-budaya pendatang Cina. Bahasa Cina lebih luas berbanding bahasa Melayu. Bahkan sebahagian orang Melayu bercakap dengan menggunakan bahasa China.⁴⁷ Pengalaman Doktor Pramoto yang bekerja di hospital di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api menunjukkan hal yang sama. Selama 25 tahun bertugas di kawasan yang di cap *Cina Town-Taiping kedua-Tiongkok kecil* ini mengakibatkan beliau pandai dialek Cina Hokkien.⁴⁸ Dominasi pula diakibatkan faktor pendatang Cina yang berada di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api umumnya Cina totok, hampir sama dengan pendatang Cina di Medan yang konservatif atau pendatang Cina di Bangka. Di Medan, sedikit sekali berlaku penyatuan dengan penduduk peribumi. Pendatang Cina lebih senang bergabung dalam organisasi Medan Siang Hwee (Cina totok). Mereka menggunakan kebudayaan Cina tinggi dan menggunakan bahasa Cina. Berbeza dengan pendatang Cina yang berada di bandar Padang, Bukittinggi dan Palembang yang cenderung menggunakan Bahasa Indonesia, atau kebanyakan Cina peranakan di Jawa yang justeru tidak lagi pandai berbahasa Cina.⁴⁹

Sesuatu yang masih sukar diterima dan menjadi potensi konflik lainnya antara peribumi dan pendatang Cina iaitu tingkah laku pendatang Cina yang menghisap candu, judi, pelacuran dan babi. Pemilikan atas sebuah paip candu dalam kebanyakan jiwa buruh ikan dan setiap keluarga selalunya mempunyai ruangan penghisapan sendiri. Seterusnya, perjudian berlaku di kawasan ini. Pada masa penjajahan, Belanda menyokong sistem pemborong dalam perjudian. Pada data diketahui keuntungan penjajah Belanda dari perjudian f 625,000.⁵⁰ Mengenai pelacuran, bukan sesuatu yang identik dengan pendatang Cina. Akan tetapi keterbukaan terhadap masalah ini semakin terjadi semenjak dominasi pendatang Cina di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Pada tahun 1874, Belanda membuat peraturan untuk pencegahan kesan buruk yang ditimbulkan oleh pelacuran, menyediakan tempat pemulihan dan pusat kesihatan bagi pelacur.⁵¹ Pusat kesihatan yang khas ditempatkan di Medan, Labuan Deli, Tanjung Pura, Tanjung Bali, Lubuk Pakam, Binjei. Untuk *Afdeeling*

Bengkalis bertempat di Tebing Tinggi. Sebanyak dua orang pekerja diberi gaji sebesar f 17.5 dan f 25 setiap bulan.⁵²

Penternakan babi penting dalam kehidupan pendatang Cina. Dalam hal ini, pertentangan dengan peribumi ditekan pihak Belanda dengan peraturan yang dimulakan pada tahun 1873. Di pantai timur Sumatera, penyembelihan babi harus dilakukan di wilayah tertentu yang disewakan oleh penjajah Belanda. Kedua, penyewa guna usaha di luar kawasan yang ditentukan oleh penjajah Belanda dikenakan denda gulden f 50.⁵³ Di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api penternakan babi terbesar dikelola oleh orang Cina dengan jumlah 500 ekor.⁵⁴ Penternakan ini terdapat di Tonggak Panipahan. Laporan Baakbergen menyebutkan setiap tahun di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api rata-rata disembelih 6,750 ekor babi.⁵⁵ Pada tahun 1932 berlaku peningkatan import babi dari Singapura ke *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api, iaitu sebanyak 3,176 babi.⁵⁶ Pada tahun 1934, import babi untuk *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api berkurang menjadi 2,671 ekor.⁵⁷ Secara keseluruhan di *Afdeeling* Bengkalis disembelih sebanyak 11, 220 ekor babi.⁵⁸ Satu permasalahan yang membimbangkan iaitu wabah babi. Pada bulan Oktober 1917, terjadi kematian banyak babi di Tebing Tinggi. Pada akhir tahun tercatat sebanyak 874 babi mati. Penyakit ini juga dialami di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api, sekitar 2,300 kasus berlaku.⁵⁹ Penyakit babi ini membahayakan kesihatan manusia. Penelitian membuktikan bahawa adanya hubungan penyakit ini dengan penyakit payudara manusia. Akan tetapi permasalahan ini tidak membuatkan penjajah Belanda menghapuskan babi, kerana cukai yang cukup tinggi, iaitu f 282,400. Hampir dua kali lipat daripada cukai babi di Pulau Jawa.⁶⁰

Setelah kemerdekaan Indonesia, sepertinya konflik laten telah membuahkan konflik terbuka diantara kaum peribumi dengan pendatang Cina. Suatu hal yang aneh kerana tidak ada konflik dengan masyarakat India keturunan atau timur asing lainnya. Lebih kurang dua kali pencerobohan dilakukan pendatang Cina; saat kemerdekaan, dan persekongkolan dengan tentara NICA. Pada saat kemerdekaan Indonesia, pendatang Cina di Bagan Siapi Api tidak mengakui kemerdekaan Indonesia, mereka tidak sedar diri kerana di tanah air Indonesia berani mengibarkan bendera Thailand, Tiongkok, dan

Belanda.⁶¹ Pada bulan Mac-Oktober 1946, Bagan Siapi Api mengalami kekacauan. Pendatang Cina di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api berbeza dengan pendatang Cina di Pulau Jawa atau kebanyakan peranakan Jawa yang menyokong kemerdekaan Indonesia. Pendatang Cina di Pulau Kalimantan dan Pulau Sumatera kebanyakannya mendukung Kuomintang.⁶² Wilayah penangkapan ikan Bagan Siapi Api yang berada di selatan bandar Medan dan bersempadan dengan Selat Melaka serta kebanyakan menetap orang Cina tidak peduli dengan kemerdekaan dan kebebasan Indonesia. Pendatang Cina di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api kuat dalam pengaruh Cina-Sun Yat Sen.⁶³ Sehingga tidak sedar apabila mereka berada di tanah air Indonesia. Mereka merasa sangat kuat kerana perbandingan jumlah pendatang Cina dengan peribumi sangat menyolok; 13,000 Cina dan 3,000 orang penduduk peribumi.

Pada 12 Mac 1946, pendatang Cina *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api dengan beraninya mengibarkan bendera nasional China di tanah air Indonesia. Hal ini menimbulkan kemarahan golongan nasionalis Indonesia. Kapitan Cina terbunuh dalam kerusuhan tersebut. Selanjutnya dalam laporan Belanda dinyatakan orang peribumi juga banyak dibunuh oleh pendatang Cina. Antaranya adalah Dt. Zainal Abidin-Camat di Bagan Siapi Api.⁶⁴ Orang Republik di Pekanbaru datang ke Bagan Siapi Api-TRI (Tentara Republik Indonesia) bagi meredakan pendatang Cina. Pendatang Cina mengelilingi desa mereka dengan berpakaian tentara dan bersenjata; pistol, senapan dan senapan mesin. Senjata ini merupakan barang seludupan dari Semenanjung Tanah Melayu-Malaya.⁶⁵ Menurut laporan phisik Belanda, kebanyakan nelayan *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api menghentikan penangkapan ikan.⁶⁶ Penangkapan ikan mengalami masalah di jalan pelayaran republik-Angkatan Laut Republik Indonesia (ALRI).

Onderafdeeling Bagan Siapi Api merupakan kawasan yang diperebutkan. Pada September, ALRI menduduki kawasan Panipahan. Pada pertengahan bulan September, telah meminta pendatang Cina menyerahkan senjata mereka kepada polis. Pendatang Cina yang bersenjata menolak dan bertahan dengan alasan untuk melindungi diri daripada lanun peribumi. Pada 17 September, 1,000 ALRI dan TRI menyerang *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api. Pendatang Cina telah mempersiapkan diri mereka dengan pertahanan. Serangan yang lebih

besar dilakukan di rumah, mengambil kanak-kanak di sekolah dan wanita dengan paksa. Pendatang Cina kalah dalam pertempuran dan tunduk kepada pemerintah. Beberapa laporan menyebutkan 200 pendatang Cina terkorban. Namun dalam laporan intelijen Belanda menyatakan hanya 12 orang meninggal dan 69 orang cedera.⁶⁷ Pada masa ini banyak juga pendatang Cina telah melarikan diri ke Singapura.⁶⁸

Pasukan TRI *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api bergabung dengan TRI Pekanbaru. Sebuah maklumat berkaitan masalah ini, "jika memungkinkan bakar tempat tinggal pendatang Cina". Akan tetapi orang Cina mempertahankan diri. Semua orang Indonesia dengan cepat berada di bandar bersama pasukan TRI. Tindakan kekerasan terjadi, setelah menyerang Cina, membunuh dan membakar desa.⁶⁹ Laporan Belanda menyebutkan 20 orang terbunuh di Bangko, 40 di Mentaga, 34 di Teluk Pulau, dan 75 di Djembra. Awal Oktober datang perintah Bagan Siapi Api tentera dan lima orang Cina yang berada di bawah bendera Indonesia. Orang-orang republik berjanji tidak akan menghantar pasukan lagi ke Bagan Siapi Api. Banyak orang Cina dengan cepat meninggalkan bandar Bagan Siapi Api.

Terlalu sukar membuat penyesuaian semula kerana nelayan Cina telah diganggu orang peribumi dengan lanun. Mereka menjadi sasaran pemerasan. Itulah sebabnya mereka menolak untuk bergabung dengan Riau dan memilih *Provinsi*⁷⁰ Pantai Timur Sumatera. Seorang aspektor polis menunjuk anggota tempatan dalam Komite Nasional Indonesia. Pada bulan Oktober dicapai perdamaian. Namun pada tahun 1947, pendatang Cina menunjukkan keberpihakannya kepada Belanda yang melakukan pencerobohan kedua terhadap kemerdekaan Indonesia. Pada bulan Julai 1947, Belanda menyerang Republik Indonesia. Sekali lagi kaum peribumi terpaksa menahan kembali pendatang Cina. Sekitar 1,000 orang Cina menunjukkan kekuatan dan kebebasan tidak mau untuk bergabung dengan republik. Pada bulan September orang-orang republik mengepung pendatang Cina, tetapi dilepaskan setelah pertempuran sengit. Menurut laporan akhbar sekitar 200 orang Indonesia dibunuh, seorang antara yang terbunuh dalam peristiwa ini ialah tokoh agama Islam di kawasan Rokan Hilir yang bernama Usman.⁷¹ Sekitar 100-200 pendatang Cina dibunuh oleh peribumi,

seorang diantaranya adalah Kapitan Cina Lu Cin Po. Seterusnya, perkosaan juga dilakukan oleh tentera pembelot terhadap gadis-gadis Cina di Seda pantai Panipahan.⁷² Ini kekecualian dalam sejarah revolusi, orang Cina mempunyai kekuatan. Pangkalan terbesar pendatang Cina terletak di Pulau Ketam.⁷³ Peristiwa di *Onderafdeeling* Bagan Siapi Api hampir sama dengan pendatang Cina di Kalimantan Barat yang sebahagian besar berpihak pada kekuasaan Belanda, namun akhirnya mereka yang berada di Pulau Sumatera kembali kepada republik.

